

08/01/1998

Sekat import lambak (HL)

Ahmad Nazri Mohamad

KUALA LUMPUR, Rabu - Semua barangan import yang tidak begitu laris tetapi dilambakkan di pasaran negara ini akan disenaraikan supaya ia tidak lagi diimport bagi mengelak pengaliran keluar wang negara.

Arahan itu dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Kabinet hari ini, bertujuan menggalakkan penggunaan barangan buatan tempatan.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna, Datuk Megat Junid Megat Ayob, berkata barangan itu termasuk bahan makanan dan barangan kegunaan harian yang banyak di pasar raya kerana pengguna tidak membelinya.

Barangan import terutama barangan makanan dan minuman seperti mentega, makanan dalam tin, air mineral dan wain banyak dilambakkan di pasar raya tetapi kurang laku.

"Pengusaha pasar raya juga ada mengadu kepada kami bahawa barangan import seperti air mineral dilambakkan kerana kurang sambutan manakala harganya terlalu mahal.

"Mentega pula misalnya, kenapa kita perlu mengimport 50 jenis mentega sedangkan orang kita tidak makan mentega.

"Begitu juga minuman seperti wain dan makanan dalam tin, siapa yang minum minuman seperti itu," kata Megat Junid di pejabatnya, hari ini.

Beliau mengarahkan Ketua Setiausaha kementeriannya, Datuk Mohd Noor Abdul Rahim berbincang dengan pengimport terbabit untuk mengelak mereka terus mengimport barangan kurang laku itu.

"Kita akan mengkaji barangan yang difikirkan tidak perlu diimport lagi untuk mengurangkan pertukaran mata wang asing," katanya.

Menurut beliau, kementerian tidak berhasrat membekukan import barangan yang dilambak itu tetapi menasihatkan supaya pengimport terbabit berbuat sesuatu kerana negara mengalami kejatuhan nilai ringgit sehingga RM4.70 bagi AS\$1.

Megat Junid berkata, kementeriannya tidak mungkin mewujudkan harga siling bagi semua barangan pengguna berikutan harga sesuatu barangan bergantung kepada negara mana ia diimport.

Beliau mencadangkan pengguna membuat pilihan barangan tempatan berbanding diimport bagi mengawal kenaikan harga barangan perlu.

Pengguna juga perlu memilih harga terbaik bagi jenis barangan pengguna yang diimport dari beberapa negara.

Menurutnya, kenaikan barangan perlu seperti bawang besar berlaku sejak minggu pertama bulan ini yang juga permulaan puasa berbanding dua minggu terakhir Disember lalu.

Pada dua minggu sebelum puasa, harga sekilogram bawang besar kurang RM3 dan di Kuching, harganya sehingga RM1.70 sekilogram.

Megat Junid yang meminta maaf kerana kesilapannya memberikan harga sekilogram bawang besar RM1.80 (harga sebenar RM2.80) semalam, meminta orang ramai bertukar kepada bawang besar yang lebih murah harganya.

Harga bawang besar berbeza mengikut negara importnya iaitu Belanda, India, New Zealand, China dan Thailand.

Beliau menasihatkan orang ramai membeli bawang Thailand kerana harganya lebih murah dan penjual boleh menjualnya pada harga RM4 sekilogram berikutan harganya satu beg seberat 20 kilogram adalah RM53.

(END)